

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR)

TARIKH: 28 JULAI 2017

MUKA SURAT: 35

Klang sasar bandar rendah karbon 2027

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berhasrat menjadikan Klang sebagai Bandar Rendah Karbon (LCC) menjelang tahun 2027.

Yang Dipertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, MPK memerlukan kerjasama semua pihak termasuk penduduk, pengusaha kilang dan lain-lain agar mendukung sebarang usaha yang dilakukan MPK.

"Pada masa sama, MPK mengariskan lapan strategi utama membabitkan program kesedaran budaya, perolehan hijau MPKlang, perkhidmatan cekap sumber dan pelan tindakan pembangunan.

"Ia juga melibatkan program cekap tenaga, 'green data center', penggunaan air secara efisien dan pelaksanaan program 5R peringkat komuniti serta warga Klang juga akan dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Klang ke arah Bandar Rendah Karbon 2027, di Hotel Premiere, di sini, semalam.

Menurutnya, strategi utama itu terkandung dalam Pelan

Tindakan Bandar Rendah Karbon (LCC) yang akan digunakan majlis sebagai bahan rujukan rasmi ke arah pembangunan rendah karbon.

"Kami ingin pastikan perbandaran di kawasan MPK mencapai sasaran pengurangan lima peratus intensiti pelepasan karbon pada tahun ini.

"Antara pendekatan yang diambil adalah mengemukakan pelan landskap berasaskan inisiatif hijau kepada MPK sebelum kebenaran merancang diluluskan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, MPK juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kelima di Selangor menjadi perintis dalam menjayakan usaha ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri.

"Ia juga bertepatan dengan visi MPK menjadi sebuah perbandaran bertaraf antarabangsa yang lestari dengan perancangan secara holistik.

"Saya sangat gembira kerana MPK mendapat kerjasama yang baik daripada pemain industri bagi menjayakan hasrat itu," katanya.